



UCAPAN PELANCARAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

MAJLIS PELANCARAN

KAD PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

BAHARU CIDB

GRAND BALLROOM C, HILTON KUALA LUMPUR

4 DISEMBER 2025

Yang Berbahagia dan Yang Dihormati Tetamu Jemputan,
Rakan-rakan Media,
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Salam MADANI, Salam Sejahtera dan selamat tengah hari.

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi CIDB Malaysia, Ketua Eksekutif, para pemimpin industri, kontraktor, wakil-wakil agensi kerajaan serta rakan-rakan media yang hadir pada hari ini. Terima kasih kerana bersama-sama menyertai majlis pelancaran yang amat signifikan ini.

2. Pada hari ini, kita menyaksikan satu langkah besar dan bersejarah dalam usaha memperkukuh sektor pembinaan negara. Kita melancarkan Kad Pendaftaran Personel Pembinaan CIDB yang baharu, iaitu sebuah platform digital bersepadu yang menggabungkan pengurusan kehadiran, pembayaran gaji dan pengurusan tenaga kerja dalam satu sistem yang menyeluruh. Inisiatif ini bukan sekadar memperkenalkan sebuah kad atau aplikasi, tetapi merupakan satu transformasi ke arah industri pembinaan yang lebih selamat, telus dan moden untuk Malaysia.

3. Seperti yang kita sedia maklum, pendaftaran pekerja binaan dengan CIDB adalah mandatori seperti yang diperuntukkan di bawah Akta CIDB atau Akta 520. Pendaftaran ini direkodkan secara digital melalui sistem CIMS CIDB bagi memastikan maklumat yang tepat, terkini dan boleh dipercayai sentiasa tersedia.

4. Sehingga kini, CIDB telah mendaftarkan seramai 1,168,104 orang personel pembinaan, terdiri daripada 457,522 pekerja asing dan 710,582 pekerja tempatan. Kesemua personel yang berdaftar ini memiliki kad pengenalan khas, dan pada hari ini kita memperkenalkan ciri-ciri baharu berteknologi tinggi yang dimuatkan dalam kad tersebut.

KAD PERSONEL PEMBINAAN BAHARU: LEBIH DARIPADA SEKADAR KAD PENGENALAN

5. Melalui kad pendaftaran personel binaan ini, identiti setiap pekerja akan disahkan, maklumat mereka direkodkan secara selamat dalam sistem CIDB, dan akses kewangan mereka dihubungkan terus kepada e-Wallet.

KELEBIHAN KAD PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN BAHARU

6. Pekerja akan menikmati satu set perkhidmatan digital yang lengkap, termasuk e-wallet, pemindahan wang domestik dan antarabangsa, pembayaran bil, tambah nilai mudah alih serta sistem kehadiran tapak, semuanya dalam satu platform bersepadu.

E-WAGES: MENJAMIN PEMBAYARAN GAJI YANG ADIL DAN TELUS

7. Satu lagi ciri utama ialah sistem e-Wages yang memastikan pembayaran gaji dilakukan secara adil, telus dan boleh dijejaki. Sistem ini mudah digunakan oleh majikan, sejajar dengan kehendak peraturan, dan memberi manfaat besar kepada agensi kerajaan melalui pemantauan yang lebih berkesan serta penjajaran dengan prinsip ESG.

8. Pembayaran gaji melalui sistem ini dilaksanakan mengikut proses yang jelas dan mematuhi peraturan. CIDB melalui CLAB telah melaksanakan projek perintis fungsi e-Wages bersama lima syarikat pembinaan, melibatkan seramai 279 orang pekerja, iaitu:

- i. WCT Berhad
- ii. RNC Integral Concrete Technology (M) Sdn. Bhd.

- iii. Can-I Interior Fit-Out Sdn. Bhd.
- iv. Symbolic Infotech Engineering Sdn. Bhd.
- v. Yu Construction Sdn. Bhd.

MENINGKATKAN KESELAMATAN TAPAK DAN PENGESAHAN PEKERJA

9. Salah satu cabaran besar dalam sektor pembinaan ialah pengurusan kehadiran di tapak bina. Kaedah manual seperti senarai nama dan buku log bukan sahaja terdedah kepada kesilapan, malah boleh menimbulkan risiko keselamatan.

10. Justeru, ciri kehadiran tapak dalam Aplikasi ini yang diperkenalkan hari ini memberikan penyelesaian yang kukuh. Rekod kehadiran dan keselamatan pekerja disahkan secara digital, sekali gus mengurangkan isu pekerja tidak berdokumen, meningkatkan penguatkuasaan dan memperkukuh tadbir urus tapak bina.

11. Secara ringkasnya, sistem kehadiran digital ini membolehkan kita mengetahui siapa yang berada di tapak, di mana mereka berada, serta masa mereka masuk dan keluar. Ini amat penting dalam situasi kecemasan, pemeriksaan atau insiden keselamatan.

MEMBINA SISTEM DATA YANG LEBIH KUKUH: SISTEM PRODUKTIVITI PEMBINAAN (CPS)

12. Salah satu manfaat jangka panjang inisiatif ini ialah pembinaan asas kepada Sistem Produktiviti Pembinaan (CPS). Melalui data kehadiran digital, pengesahan identiti dan rekod gaji digital, CIDB dapat membangunkan pangkalan data produktiviti pembinaan di peringkat nasional.

13. Sistem ini akan membolehkan pemantauan jam bekerja, pergerakan tenaga kerja, trend produktiviti, pematuhan Kad Hijau serta prestasi projek. Data yang kukuh ini akan menyokong perancangan yang lebih baik, ramalan yang lebih tepat dan penggubalan dasar yang lebih berkesan.

KEPENTINGAN INISIATIF INI

14. Tuan-tuan dan Puan-puan, inisiatif ini menawarkan penyelesaian praktikal kepada keseluruhan ekosistem pembinaan. Pekerja menerima gaji yang selamat dan tepat pada masanya serta akses adil kepada perkhidmatan kewangan digital, sementara identiti dan kehadiran mereka di tapak disahkan secara tepat.

15. Bagi majikan, pengurusan penggajian menjadi lebih teratur, data pekerja lebih tepat dan terkini, pematuhan undang-undang buruh diperkukuh, dan sistem ini mudah diadaptasi serta mudah untuk digunakan.

16. Bagi agensi kerajaan pula, kita memperoleh data tenaga kerja yang lebih dipercayai, meningkatkan keselamatan dan penguatkuasaan tapak bina, serta mengukuhkan reputasi Malaysia dalam amalan buruh yang beretika.

17. Saya juga dimaklumkan bahawa Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB), anak syarikat CIDB, akan memainkan peranan penting dalam mempromosikan penggunaan ciri-ciri digital sukarela yang ditawarkan melalui Kad pendaftaran personel binaan CIDB .

PENUTUP: USAHA BERSAMA KE ARAH INDUSTRI PEMBINAAN MODEN

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada CIDB Malaysia atas kepimpinan dan visi dalam merealisasikan transformasi digital ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada CLAB, BAYO & MBSB atas sumbangan kepakaran serta sokongan teknologi yang menjayakan inisiatif nasional ini.

19. Saya menyeru semua kontraktor, pemaju dan organisasi industri agar menyokong dan menerima pakai sistem ini. Bersama-sama, kita mampu meningkatkan keselamatan, memperkukuh pematuhan dan melonjakkan sektor pembinaan Malaysia ke arah yang lebih berdaya saing dan berteraskan teknologi.

20. Dengan berakhirnya ucapan ini, maka dengan penuh rasa bangga dan sukacita, Saya dengan ini merasmikan Pelancaran Kad Pendaftaran Personel Pembinaan CIDB yang Baharu.

SEKIAN, TERIMA KASIH.